



## SIARAN AKHBAR

### ***ALERT LIST AMBD TELAH DIKEMASKINIKAN***

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa *Alert List* AMBD telah dikemaskinikan.
2. *Alert List* AMBD adalah senarai syarikat dan laman web yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang. Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.
3. AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa syarikat-syarikat yang telah dimasukkan ke dalam *Alert List* AMBD dari bulan Januari sehingga bulan Mac 2018 adalah seperti berikut:
  - a. United Formula Company;
  - b. Makkah Islamic Hotel;
  - c. Brunei Loan Sdn Bhd/ Trust Loan Financial Company; dan
  - d. Water Beaute World Bhd.
4. *Alert List* AMBD yang telah dikemaskinikan boleh didapati melalui laman web AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn). Senarai syarikat-syarikat dan individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman web yang sama.
5. AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam, dan mengutamakan pelindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. AMBD juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam. Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi AMBD melalui talian 2380007 atau emel kami melalui [fci@ambd.gov.bn](mailto:fci@ambd.gov.bn).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

**Tarikh:** 23 Rejab 1439/ 10 April 2018

**Rujukan:** AMBD/COMMS/3